

Antara strategi dan program yang dikhususkan untuk wanita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) ialah:

- Tiada perbezaan yang ketara antara RMK-9 dengan RMK-8. RMK-9 menyambung strategi dan program RMK8, terutamanya meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja, akses dunia pendidikan dan latihan, perniagaan dan keusahawanan.
- Unjuran kuantitatif (*goal setting*) yang "memaksa" lonjakan penglibatan wanita dalam mana-mana sektor yang tidak mendapat tempat.
- RMK-9 berhasrat meningkatkan penglibatan dan penyertaan wanita dalam pembangunan sosioekonomi negara.
- Kerajaan menyediakan banyak jawatan utama dalam perkhidmatan awam di samping menambahkan bilangan ahli majlis perbandaran dan tempatan untuk wanita.

Wanita dalam Tenaga Buruh

Penyertaan wanita dalam tenaga buruh menyumbang peningkatan pembangunan sosioekonomi negara. Sebanyak 1.1 juta peluang pekerjaan baharu diunjurkan dalam RMK-9 terutamanya dalam industri yang dinamik dan berpotensi tinggi.

Penyertaan wanita di negara ini sebagai tenaga buruh lebih tinggi berbanding dengan negara jiran (48.7 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga buruh), tetapi tidak begitu memuaskan berbanding dengan negara maju. Negara maju menganggap wanita sebagai aset pengeluaran, rakan kongsi dalam pembangunan, dan tenaga buruh. Sweden, Denmark, dan Switzerland mendahului negara lain di dunia dalam melibatkan wanita sebagai tenaga buruh.

Penyertaan wanita sebagai tenaga buruh di negara ini menunjukkan peningkatan positif, daripada 44.7 peratus (1995) kepada 47.7 peratus (2003), dan sekarang pada tahap 48.5 peratus.

Penglibatan wanita tertumpu pada sektor pembuatan perdagangan borong runcit dan pertanian. Sektor runcit mencatatkan jumlah perniagaan iaitu RM70 bilion dengan pertumbuhan sembilan peratus setahun. Sektor pertanian menerima peruntukan sebanyak RM11.4 bilion dalam RMK-9.

Sektor Pengurusan dan Pentadbiran

Jawatan tinggi yang dipegang oleh wanita dalam perkhidmatan awam masih rendah. Faktor "penerimaan" arbitrari yang dahulu menghambat wanita berjawatan

RMK-9: Peranan, Peluang, dan Cabaran Wanita



PELUANG wanita menceburi bidang perniagaan dalam RMK-9 terbuka luas.

rendah dan menghalang wanita ke puncak kejayaan, sekarang diukur oleh merit dan kebolehan.

Dalam hal ini pihak swasta digalakkan mengambil lebih banyak pekerja wanita yang berkelayakan. Dalam dunia konglomerat antarabangsa, mereka meletakkan "perhitungan asas" sebagai sistem merit dan soal jantina tidak lagi menjadi pertikaian. Wanita lebih mudah diterima dalam jawatan pengurusan tertinggi.

Namun, kedudukan wanita di syarikat besar tempatan, terutama rangkaian syarikat kerajaan [Government-Linked Companies (GLCs)] amat mengecewakan. Sebanyak 44 buah GLCs yang sukar menerima wanita dalam struktur pengurusan. Jumlah ahli lembaga pengarah wanita sangat sedikit, kurang daripada 10 orang dalam 44 buah GLCs.

Sektor kewangan di negara ini menyerahkan kehebatan beberapa orang wanita. Gabenor Bank Negara dipegang oleh wanita. Wang tidak mengenal jantina, tetapi pengurusan yang cekap dan beretika merupakan kriteria utama dalam sektor kewangan. Wanita membuktikan prestasi cemerlang dalam bidang pengurusan kewangan, tetapi jawatan dalam pengurusan tinggi masih terbatas, iaitu cuma 13 peratus.

Secara keseluruhan peratusan wanita dalam kategori pegawai kanan dan pengurusan masih di tahap rendah walaupun berlaku peningkatan, iaitu 4.8 peratus (2000) kepada 5.4 peratus pada 2005. Dalam jangka masa lima tahun, peningkatan ini terlalu rendah dan mengecewakan.

Statistik yang sedia ada menunjukkan wanita memanfaatkan peluang persaingan dalam bidang profesional, iaitu doktor (54.4 peratus), peguam (44.1 peratus), akauntan (41.6 peratus), doktor veterinar (32 peratus), dan juru bahan (22.6 peratus).

Dalam dunia perniagaan pula, keuntungan menjadi matlamat utama. Syarikat harus mencari resipi terbaik dalam pengurusan dan memperkenalkan strategi niaga atau produk yang baharu. Mereka yang terbaik dan bijak perlu diberikan tempat sewajarnya. Sekiranya mereka menetapkan kehebatan wanita, hal ini merugikan mereka.

Begitu juga kuasa membeli dalam kalangan wanita. Kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan wanita menentukan 80 - 90 peratus pembelian barangan, terutamanya pembelian rumah, perkakas rumah, percutian, produk penjagaan kesihatan, dan produk pengguna. Dalam pembelian kereta, wanita menjadi pendongor pembelian sebanyak 61 peratus.

Oleh sebab itu, berdasarkan hak wanita atau kesaksamaan jantina, pengambilan



PENYERTAAN wanita sebagai tenaga buruh sangat diperlukan negara.

wanita dalam pengurusan dan ahli lembaga pengarah merupakan "logik niaga" dan mengikut "perkiraan ekonomi". Dunia niaga perlu menerima hakikat bahawa pelanggan ialah wanita kerana wanita mampu memahami kehendak wanita dan mempengaruhi kehendak lelaki.

Kemudahan Sokongan Wanita

Menyedari sokongan wanita dalam pembangunan sosioekonomi negara begitu berharga, sektor swasta digalakkan menyediakan kemudahan sokongan untuk pekerja wanita. Dalam hal ini penuntut wanita di institusi pengajian tinggi (IPT) sekarang adalah yang terbesar. Hampir 70 peratus dana intelek negara dimiliki oleh wanita. Jadi, bilangan wanita dalam pasaran pekerjaan profesional juga akan bertambah.

Bagi kemudahan wanita, persekitaran yang mesra kepada wanita dan keluarga perlu dipelihara untuk membina produktiviti modal insan, seterusnya menyumbang peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pusat penjagaan kanak-kanak, peraturan kerja yang lebih kondusif dan


fleksibel perlu disediakan oleh pihak yang terbabit.

Perniagaan dan Keusahawanan

Sektor perniagaan dan keusahawanan paling dinamik dalam pembinaan ekonomi negara. RMK-9 mengajak wanita meningkatkan penyertaan dalam bidang ini. Dengan tumpuan baharu, terutama produk asas tani dan bioteknologi, wanita seharusnya berusaha merebut peluang ini.

Dana dan sumber pembiayaan melalui Tekun dan sistem kredit mikro di bawah Amanah Ikhtiar dan Bank Pertanian ditubuhkan khas untuk wanita. Sebanyak 73 buah dana ditubuhkan oleh kerajaan dalam RMK-9 untuk menggalakkan dan memajukan budaya keusahawanan yang bernilai RM10.3 bilion ini. Dengan terbentuknya Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dengan modal yang besar (RM1 bilion), wanita harus gigih menunjukkan kebolehan dan kemampuan sebagai ahli perniagaan dan usahawan.

Walaupun tampak mudah, tetapi realitinya sering kali tersasar. Institusi kewangan yang mengurus dana khas ini dikatakan tidak mesra pelanggan. Birokrasi,



Berbayar (PTB) sektor perbankan bukan masalah daripada wanita. Sektor ini harus lebih prihatin terhadap keperluan dan hak wanita.

Peluang Perniagaan

Peluang perniagaan yang ditawarkan di bawah RMK-9 begitu meluas. Teras pertama RMK-9 berpaksikan peningkatan ekonomi dalam rantaian nilai tambah untuk sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan.

Industri yang dikenal pasti memberikan manfaat kepada wanita ialah:

- Pemakanan termasuk makanan halal.
- Perladangan buah-buahan dan sayur sayuran, serta industri sokongan yang berkaitan.
- Penternakan.
- Keluaran asas tani.
- Bioteknologi terutama penjagaan kulit dan kesihatan.
- Industri logistik dan sokongan.
- Pelancongan dan hospitaliti.
- Pendidikan.
- Runcit.

Kementerian Wanita mengusulkan undang-undang dan peraturan yang membenarkan wanita bekerja dan berniaga dari rumah menerusi sistem Soho yang diamalkan oleh sesetengah negara maju. Inisiatif ini mampu meningkatkan pendapatan keluarga, menyempurnakan tugas dan kewajipan penjagaan keluarga, di samping menyumbang pembangunan ekonomi negara.

RMK-9 menekankan kemajuan bioteknologi. Untuk berjaya, wanita perlu menjadikan ilmu sebagai budaya dan teknologi sebagai kawan. Keyakinan dan semangat yang tinggi perlu dijadikan pegangan harian.

Perundangan dan Institusi

Kerajaan dijangka mengkaji semula undang-undang dan peraturan bagi meningkatkan taraf wanita. Perundangan seperti Akta Pekerjaan 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1957 tidak lagi sesuai dengan perkembangan semasa dan harus dipinda.

Begitu juga penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan keputusan mahkamah akan dipercepat terutama Mahkamah Syariah bagi memastikan nasib dan kebajikan wanita terbelas.

Manakala bagi meningkatkan keupayaan institusi, usaha akan diambil oleh kerajaan untuk mencapai matlamat 30 peratus wanita memegang jawatan sebagai pembuat dasar di sektor awam, iaitu komponen eksekutif dalam kerajaan. Komponen legislatif tidak dinyatakan, walaupun rujukan dibuat mengikut ketetapan Deklarasi Beijing.

Deklarasi Beijing banyak menyentuh

tentang penglibatan wanita dalam sektor pembuatan dasar di semua negara di dunia. Kajian yang dijalankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan agensinya menunjukkan kepentingan wanita dan nilai khusus jantina diterima sebagai input perangkaan dasar sekiranya jumlah suara wanita menjangkau peratusan yang agak tinggi, sekurang-kurangnya 30 peratus.

Negara yang aktif melibatkan wanita dalam sektor pembuat dasar mendapati perancangan pembangunan sosioekonomi negara mereka lebih menyeluruh dan sempurna.

Cabaran Wanita

RMK-9 menjanjikan masa depan yang cerah kepada wanita. Keupayaan modal insan perlu diberikan pengertian yang saksama. Ilmu yang menjadi tuntutan ekonomi harus digunakan oleh wanita untuk menyertai pasaran pekerjaan dan memulakan inisiatif perniagaan.

Cabaran terbesar wanita ialah sikap dan budaya yang amat sukar diubah. Cabaran pertama terletak pada wanita untuk menentukan perjalanan hidup sendiri. Wanita mempunyai kekuatan semula jadi dalam sektor perkhidmatan termasuk pelancongan, kewangan, pertanian dan penyelidikan. Contohnya, beberapa orang wanita di Amerika Syarikat dan India berjaya menjadi pakar bioteknologi yang tersohor di dunia. Dua orang daripadanya ialah warga Malaysia yang bermastautin di Amerika Syarikat.

Wanita juga berdepan dengan cabaran luaran, iaitu sistem nilai dan budaya yang diwarisi melihat wanita sebagai insan yang lemah dan berlegar di rumah sahaja, sedangkan landskap ekonomi dunia sudah berubah. Wanita harus mengakui bahawa peranan dan sumbangan mereka diiktiraf dalam pembangunan sosioekonomi negara. Dalam masa dua dekad wanita mencapai kemajuan yang menyerlah dan menyumbang pertumbuhan KDNK. Dengan terbuktinya keupayaan wanita, sewajarnya mereka perlu diberikan kuasa politik, sosial dan ekonomi.

Bukan mudah bagi wanita menempa kejayaan apatah lagi dalam dunia yang masih didominasi kaum lelaki, tetapi wanita harus percaya bahawa "yang terbaik itu tentu akan menyerlah" (*the cream will always skim to the top*). ■

Makalah ini berasaskan teks ucapan utama yang disampaikan oleh Datuk Dr. Norraesah Mohamad dalam Dialog Dewan Masyarakat (Siri 1), pada 30 Mei 2006, bertempat di Dewan Seminar, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka.

kelewatan, kelambatan dalam memproses permohonan, dan enggan bekerjasama menjadi hambatan besar kepada pelanggan. Dalam hal ini wanita sering berhadapan dengan tembok halangan yang tebal.

Inisiatif Pembiayaan Baharu

Berdasarkan senario yang berlaku, inisiatif baharu dalam RMK-9 diharapkan membantu wanita mengatasi masalah akses pembiayaan. "Pintu terbuka" untuk wanita disediakan oleh institusi kewangan bagi membolehkan mereka membuat pinjaman untuk perniagaan.

Malangnya bentuk, saiz dan jadual pembinaan "pintu" ini tidak dinyatakan. Bagi menyempurnakan inisiatif ini, disarankan agar peratusan portfolio pinjaman ditentukan untuk wanita. Saranan sudah dibuat oleh banyak pihak kepada kerajaan supaya 30 peratus daripada jumlah portfolio pinjaman dikhususkan untuk tujuan ini. Pemantauan perlu dibuat agar wanita mendapat pinjaman.

Dalam hal ini, wanita dihargai oleh sektor perbankan kerana komitmen yang tinggi melunaskan hutang. Pinjaman Tak